

PEKELILING PEJABAT PENDAFTAR

Tarikh: 27hb Mei 2021

Bil. 07/2021

No. Ruj: PICOMS/PP/05/2021/007Jld. 2

PEMAKLUMAN PINDAAN AKADEMIK KALENDAR UNIVERSITI SESI 2020/2021 SEMESTER II

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkaitan pindaan akademik kalendar universiti Semester II, Sesi 2020/2021 berkaitan pemansuhan minggu cuti pertengahan semester.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Senat Kali ke 35 (Bil 5/2021) bertarikh 27hb Mei 2021 telah bersetuju untuk cadangan pemansuhan minggu Cuti Pertengahan Semester Kalendar Akademik Universiti bagi Sesi 2020/2021 Semester II seperti berikut:-

	Asal	Pindaan Kalendar Akademik
Minggu	Cuti Pertengahan Semester 19 - 25 Julai 2021	Minggu Kuliah PdP (Tambahan) 19 - 25 Julai 2021
Cuti Umum (Hari Raya Aidiladha)	20hb Julai 2021(Selasa)	20 & 21hb Julai 2021 (Selasa & Rabu)

2.2 Pindaan minggu tersebut adalah bagi menggantikan minggu pertama pengkuliah bertariikh 3hb - 7hb Mei 2021 (iaitu seminggu sebelum Hari Raya Aidilfitri) kerana kelewatan minggu PdP bermula untuk sesi pengkuliah Semester II.



- 2.3 Mesyuarat Senat juga telah bersetuju untuk penetapan cuti umum **Hari Raya Aidiladha** adalah selama 2 hari iaitu pada **20hb dan 21hb Julai 2021 (Selasa dan Rabu)**.
- 2.4 Oleh yang demikian, pihak fakulti khususnya pensyarah berkaitan diharap dapat menyusun semula aktiviti pelajar untuk kelancaran pelaksanaan proses PdP sesi tersebut.
- 2.5 Pindaan tarikh Akademik Kalendar ini terpakai bagi semua program dan kumpulan pelajar yang mendaftar sesi 2020/2021 semester II, Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS.

3.0 TINDAKAN

- 3.1 Pekeliling Pendaftar Bil. 07/2021 ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh pekeliling ini dikeluarkan.
- 3.2 Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua kumpulan pelajar dan kakitangan Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS.
- 3.3 Pihak Fakulti/Jabatan/Unit yang terlibat adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan arahan seperti yang tertakluk dalam pekeliling ini.

Sekian, harap maklum. Terima kasih

"KE ARAH KECEMERLANGAN HOLISTIK DALAM PENDIDIKAN & PENJAGAAN PESAKIT"



.....
NORITA BINTI HJ ARSHAD

Pendaftar

Tarikh: 27hb Mei 2021

s.k : Naib Canselor
: Timbalan Naib Canselor (Akademik)
: Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Pasca Siswazah)
: Dekan Fakulti Sains Kesihatan
: Dekan Fakulti Pengurusan
: Dekan Fakulti Kejururawatan

- : Dekan Fakulti Farmasi
- : Dekan Fakulti Sains Sosial dan Asasi
- : Pengurus, Unit Jaminan Kualiti
- : Pengurus Bahagian Kemasukan & Rekod
- : Pengurus, Unit Peperiksaan
- : Pengurus, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni